

BAB EMPAT

Keanggotaan Dalam Badan Perundangan Mengikut Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911

4.1 Latar Belakang *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911*

Berdasarkan fakta sejarah *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911* (selepas ini disebut *UBDKT*) merupakan perlembagaan bertulis yang kedua di Tanah Melayu selepas *Undang-undang Tubuh Negeri Johor 1895* (*UTKJ*).¹ Ia merupakan perlembagaan bagi negeri Terengganu yang digubal pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (1881-1919M.), iaitu Raja dan Yang di-Pertuan Besar bagi Negeri Terengganu dan seluruh daerah jajahan takluknya pada masa itu. Kerajaan Terengganu telah menggunakan *UTKJ* sebagai asas penting untuk menggubal *UBDKT*.² Mengikut catatan yang tertulis, *UBDKT* itu telah digubal di negeri Terengganu pada sebelas haribulan Zulkaedah tahun satu ribu tiga ratus dua puluh sembilan Hijrah (1329H.) bersamaan dengan dua haribulan November tahun satu ribu sembilan ratus sebelas Mesihi (1911M.).³ Ia mengandungi 53 fasal yang didahului oleh suatu pembukaan (*al-muqaddimah*) dan diakhiri oleh suatu penutup (*al-khatimah*). Ia diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris sebagai “*Laws of the Constitution of Trengganu*”.⁴ Dalam bahasa Arab pula ia dinamakan sebagai, “*Itqān al-Mulūk bi Ta’dīl al-Sulūk*”.⁵

ia telah menjadi sumber dan asas bagi undang-undang dan peraturan-peraturan yang diamalkan oleh kerajaan negeri Terengganu secara turun temurun sehingga ke hari ini. Perkara ini adalah selaras dengan pengharapan yang telah dibuat oleh Sultan Zainal Abidin raja yang menjadi ketua bagi negeri Terengganu pada masa ianya digubal. Baginda menyatakan sebagaimana berikut:

"...inilah suatu undang-undang bagi diri kerajaan Terengganu yang menyatakan punca-punca barang yang bergantung dengan dia dan menentukan segala tertib peraturan yang ketetapan di atas kita dan ganti-ganti kita dan di atas menteri-menteri dan orang besar-besar, pegawai-pegawai dan rakyat isi negeri dan ganti-ganti mereka itu sekalian..."⁶

UBDKT dapat digolongkan sebagai sebuah perlembagaan yang bercirikan Islam. Unsur-unsur penting sebuah pemerintahan Islam seperti Islam sebagai agama negeri, kedaulatan syari'ah dan hukum Islam, keadilan sosial, pengamalan syūrā dan hak asasi manusia adalah merupakan unsur-unsur Islam yang terdapat di dalam perlembagaan ini.⁷ Contohnya mengikut *UBDKT*, negeri dan kerajaan Terengganu hendaklah selama-lamanya menjadi sebuah negeri dan kerajaan Islam. Oleh itu kerajaannya digelar dengan istilah "*kerajaan Islāmiyyah Malāyūwiyyah*".⁸ Agama Islam telah diisytiharkan sebagai agama kerajaan dan agama bagi negeri Terengganu. Agama-agama lain boleh dianuti dan diamalkan dengan bebas oleh penganut-penganutnya, tetapi ianya tidak boleh dijadikan sebagai agama negeri.⁹

Perkara tersebut disokong oleh Abdul Majeed Mohamed Mackeen di mana beliau berpendapat, Negeri Terengganu yang ada pada masa itu dianggap sebagai negeri Islam.¹⁰ Badan perundangannya ialah Mesyuarat Kerajaan, manakala undang-undang tertinggi pada masa itu ialah syari'ah Islam.¹¹ Keutamaan yang diberikan kepada syari'ah Islamiyyah dijamin secara berkekalan melalui peruntukan undang-undang¹² di mana undang-undang syari'ah dan ketinggian agama Islam tidak akan diabaikan sama sekali. Tambahan pula badan perundangan sangat cekap kerana mempunyai penasihat-penasihat yang mengamalkan sistem *masywarah*¹³(perundingan).

Sultan Terengganu menjelaskan undang-undang ini digubal adalah untuk digunakan oleh baginda sultan sendiri dan penganti-penganti baginda yang akan menjadi ketua negeri Terengganu pada masa akan datang. Baginda juga berhasrat supaya undang-undang ini diperluaskan penggunaannya kepada kerajaan dan seluruh rakyat negeri Terengganu. Oleh itu selain dari menjadi panduan untuk raja-raja yang akan datang, undang-undang ini hendaklah dilaksanakan oleh pihak kerajaan, kakitangan kerajaan dan rakyat keseluruhannya. Seluruh pemerintah dan rakyat Terengganu dikehendaki mematuhi undang-undang ini. Dalam pembukaan (*al-muqaddimah*) *UBDKT* Baginda Sultan menjelaskan:

*"I'lam dengan huquq kerajaan kita telah kita tetap dan lazimkan di atas kita dan ganti-ganti kita dan di atas kamu sekalian dengan memakai dan mengikut taat dan menjunjung akan barang yang tersebut dan terkandung di dalam undang-undang ini sekeliannya. Kerana sekalian yang tersebut di dalam undang-undang ini semuanya benar lagi betul dan tentu tetap bagi negeri dan kerajaan kita".*¹⁴

Oleh itu sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang ini beliau dianggap telah melakukan kezaliman dan menderhaka kepada raja sebagaimana yang diperuntukkan:

Maka zalim dan salah dan derhakalah di atas sesiapa orang yang enggan dan yang mengengkar melawan akan dia.¹³

Undang-undang dan adat negeri hendaklah dilaksanakan dengan adil dan benar oleh mahkamah, pegawai-pegawai dan kaki tangan kerajaan. Undang-undang dan adat negeri ini terlaksana kepada seluruh rakyat negeri Terengganu dan orang-orang asing yang berada dan tinggal di negeri itu, tidak kira samada mereka tinggal di sana untuk sementara waktu atau dalam jangka masa yang lama.¹⁶

Pada bahagian penutup undang-undang ini Sultan Zainal Abidin raja yang memerintah kerajaan negeri dan seluruh jajahan takluk Terengganu menegaskan bahawa undang-undang yang digubal ini hendaklah dijadikan suatu pusaka yang tiada harus diubah, dipinda, dipecah, atau dihilangkan. Baginda berharap undang-undang ini akan mendatangkan kebaikan dan kebajikan yang berpanjangan dan berkekalan selama-lamanya.¹⁷

Tanpa saluran dan kebenaran yang sah peruntukan-peruntukan dan fasal-fasal yang terdapat di dalam undang-undang tersebut tidak boleh dipinda, ditukar atau dihapuskan. Ini terdapat peringatan yang menjelaskan:

"Insyā' Allāh Ta'āla akan jadi berkekalan dan tetap istiadat kerajaan kita dan berpanjangan turun temurun hingga selama-lamanya menjadi dan bersifat undang-undang bagi kerajaan Terengganu yang tiada harus diubah, dipinda, ditukar, diorak, dipecah atau dibinasakan adanya."¹⁸

Namun demikian dengan saluran yang dibenarkan isi dan peruntukan undang-undang ini boleh dipinda dan boleh ditambah. Fasal yang keempat puluh sembilan undang-undang tersebut memperuntukkan, raja dengan persetujuan Mesyuarat Kerajaan boleh meminda dengan menambah atau meluaskan skop undang-undang tersebut pada bila-bila masa sahaja. Pindaan boleh dibuat dengan syarat asas-asas dan kehendak sebenar undang-undang tersebut tidak diubah atau dibinasakan. Begitu juga raja dengan persetujuan Mesyuarat Kerajaan berkuasa untuk membuat huraihan dan memberi tafsiran tentang maksud sebenar pelbagai perkataan atau apa-apa sahaja yang terkandung di dalam undang-undang tersebut. Setelah tindakan sedemikian diambil, maka semua penjelasan dan tafsiran terhadap bacaan dan makna-makna yang diputuskan hendaklah diterima pakai sebagai suatu bahagian daripada undang-undang tersebut juga.¹⁹

4.2 Keanggotaan Dalam Badan Perundangan

Mengikut *UBDKT* anggota badan perundangan negeri Terengganu pada masa itu adalah terdiri dari raja dan ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan. Raja ialah Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Terengganu yang menjadi ketua bagi negeri Terengganu. Baginda memerintah dan memiliki kuasa ke atas kerajaan Terengganu dan sekelian daerah jajahan takluknya. Baginda juga adalah kepala di atas segala pangkat dan darjah di dalam kerajaan Terengganu.²⁰ Manakala ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan pula adalah terdiri dari menteri-menteri dan ketua-ketua. Menteri-menteri ialah ahli-ahli mesyuarat kerajaan yang berpangkat besar, menjabat dan menanggung pekerjaan negeri yang diserahkan oleh raja kepadanya.²¹ Ketua-

yang ada pangkat tertentu, para ‘ulamā’, orang-orang kaya dan penghulu-penghulu besar.²² Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan disebut juga sebagai Jemaah Pangkuhan Negeri atau pada istilah syariah ianya dinamakan *Ahl al-Hal Wa al-'Aqd*. Mereka adalah orang-orang yang ada kuasa dan berhak memberi pendapat dalam urusan memilih dan melantik raja serta berkuasa membuat sesuatu keputusan terhadap perkara-perkara penting dalam pemerintahan negeri.²³

Tentang penggubalan *UBDKT* al-Marhūm Prof. Ahmad Ibrahim pernah menjelaskan bahawa, undang-undang tersebut telah digubal oleh Baginda Sultan sebagai pemilik dan ketua kerajaan Terengganu yang penuh berdaulat. Penggubalan itu dibuat dengan persetujuan ahli-ahli Jemaah Menteri, Majlis Mesyuarat Negeri, pembesar-pembesar dan datuk-datuk negeri. Pertimbangan telah dibuat selepas diadakan perdebatan yang wajar, perbincangan yang bebas, sesuai serta bertanggungjawab.²⁴

Pandangan al-Marhūm Prof. Ahmad Ibrahim itu selaras dengan seru pembukaan (*al-Muqaddimah*) *UBDKT* di mana Baginda Sultan telah menegaskan:

"Maka sesungguhnya kita telah berkenan suka dan redah berbuat seperti yang tersebut dalam undang-undang ini bagi kerana diri kita sendiri dan warith-warith ganti kita yaitu sultan raja yang memiliki dan memerintah kerajaan Terengganu.

Demikian juga menteri-menteri dan orang besar-besar dan ketua-ketua kerajaan kita suka, redah dan sedaya taat pada berserta dan mengikut akan maksud dan kehendak kita seperti demikian itu. Dan pula ialah permohonan dan maksud kehendak mereka itu sekeliannya bagi kerana diri mereka itu sendiri dan warith-warith dan ganti-ganti mereka itu dan rakyat isi negeri semuanya. Maka tak kala bersuatulah maksud dan kehendak yang tersebut itu maka pada masa ketika inilah kita menzahirkan segala peraturan dan syarat-syarat yang tersebut di dalam undang-undang ini..."²⁵

Kenyataan di atas membuktikan bahawa Baginda Sultan Zainal Abidin bin al-Marhum Sultan Ahmad yang memerintah dan menjadi ketua bagi kerajaan Terengganu pada masa itu (1911) telah menggubal *UBDKT* bersama-sama dengan ahli-ahli Jemaah Menteri dan ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan termasuklah ketua-ketua negeri dan orang-orang besar yang lain.

Berdasarkan huraian di atas jelas terbukti bahawa, *UBDKT* tidak digubal oleh Baginda Sultan secara bersendirian, sebaliknya ia digubal oleh badan perundangan di negeri Terengganu pada masa itu. Anggota badan perundangan yang bersetuju menggubal undang-undang tersebut adalah terdiri dari Baginda Sultan sendiri serta anggota Mesyuarat Kerajaan Terengganu yang terdiri dari Jemaah Menteri dan ketua-ketua. Mereka telahpun menurunkan tandatangan masing-masing sebagai bukti bahawa mereka bersetuju menggubal undang-undang itu. Di antara nama-nama anggota badan perundangan pada masa itu yang bersetuju menggubal *UBDKT* ialah, Sultan Zainal Abidin Zainal Abidin III (Marhum Haji), Yang di-Pertuan Muda (Muhammad) bin Zainal Abidin (warith ganti),²⁶ Tengku Muda (Sulaiman) bin Zainal Abidin (warith yang pertama),²⁷ Tengku Ngah (Umar) bin Abdul Rahim (kerabat yang akrab wazir dan menteri),²⁸ Tengku Embung (Musa) bin Sulaiman (Kerabat yang akrab wazir dan menteri), Engku Syed (al-Sayyid Abdul Rahman) bin Muhammad al-'Idrus (Syekh al-'Ulamā' dan ahli mesyuarat), Tuan Dalam (al-Sayyid Mustafa) bin Muhammad al-'Idrus ('ulamā' dan ahli mesyuarat), Tengku Khajki bin Abu Bakar (kerabat yang am wazir dan menteri), Tengku

Chik bin Hitam (kerabat yang am, Pesuruhjaya Besar Besut dan ahli mesyuarat), Bentara Dalam (Tengku Mahmud) bin Muhammad (kerabat yang am wazir dan menteri), Panglima Besar (Tengku Long Abdullah) bin Othman (kerabat yang am wazir dan menteri), Tengku Chik (Abdul Rahman) bin Ishak (kerabat yang am dan ahli mesyuarat), Tengku Chik (Ahmad) bin Abdul Rahman (kerabat yang am wazir dan menteri),²⁹ Dato' Panglima Dalam (Wan Muhammad) bin Ibrahim (wazir dan menteri), Dato' Nara Wangsa (Che' Muhammad Ali) bin Abdul Rahim (wazir dan menteri), Al-Haj Wan Muhammad Saleh bin Muhammad (mufti dan ahli mesyuarat), Al-Haj Wan Muhammad Saleh bin Ismail (hakim dan ahli mesyuarat),³⁰ Al-Haj Wan Sulaiman bin Daud (Hakim dan ahli mesyuarat),³¹ Dato' Panglima Perang (Che' Yusof) bin Musa (pegawai dan ahli mesyuarat), Dato' Panglima Muda (Che' Othman) bin Idris (pegawai dan ahli mesyuarat), Dato' Sang Sura Pahlawan (Wan Hamid) bin Sa'id (pegawai dan ahli mesyuarat), Al-Haj Ngah (Muhammad) bin Yusuf (Wazir dan menteri),³² Che' Nik (Muhammad) bin Hitam (Naib Hakim dan ahli Mesyuarat),³³ Dato' Syahbandar (Che' Embong) bin Ja'far (pegawai dan ahli mesyuarat) dan Che' Mat (Muhammad) bin Abdul Rahim (pegawai dan ahli Mesyuarat).³⁴

Bagi manjelaskan kedudukan dan fungsi setiap anggota badan perundangan berdasarkan *UBDKT* perbahasan selanjutnya akan dibuat secara terperinci di dalam bab ini.

4.3 Kedudukan Raja

UBDKT memperuntukkan bahawa seseorang yang memerintah Terengganu mestilah melengkapinya dengan beberapa syarat sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam fasal kedua perlombagaan tersebut. Fasal kedua memperuntukkan bahawa seseorang raja yang memerintah kerajaan Terengganu hendaklah selama-lamanya berugama Islam, dari kalangan bangsa Melayu, dari keturunan sultan-sultan yang memerintah kerajaan Terengganu³⁵ dan seorang lelaki. Begitu juga syarat-syarat bagi semua waris yang akan mewarisi jawatan raja di negeri tersebut.³⁶ Syarat-syarat raja mestilah berugama Islam dan seorang lelaki adalah bertepatan dengan syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum Islam.

UBDKT memperuntukkan bahawa raja-raja yang akan dilantik selepas Sultan Zainal Abidin III mestilah dari keturunan baginda yang diakui dengan sebenarnya. Selagi ada keturunan baginda dari atas ke bawah yang layak menjadi raja, maka tidak harus dan tidak sah sama sekali jika dilantik orang lain selain dari keturunannya itu menjadi raja bagi negeri Terengganu. Kecuali keturunannya yang ada itu tidak layak untuk dilantik sebagai raja kerana mempunyai kecacatan yang besar dan serius yang menyalahi sifat-sifat raja seperti gila, buta, bisu atau pun mempunyai sifat-sifat keji yang bercanggah dengan hukum *syara'* untuk dilantik sebagai raja.³⁷

UBDKT juga menyediakan peruntukan khas sebagai panduan jika sekiranya timbul sebarang masalah untuk melantik pengganti raja dari keturunannya sebelah atas hingga ke bawah. Jika sekiranya terputus atau tidak ada lagi keturunan sebelah bawah seperti anak, cucu, cicit dan zuriat-zuriat Sultan Zainal Abidin III sehingga ke bawah untuk dilantik sebagai raja, atau pun ada keturunannya tetapi tidak layak untuk dilantik menjadi raja, maka keturunannya yang sebelah atas pula hendaklah dipilih. Pada ketika itu hendaklah dipilih untuk dilantik menjadikan raja salah seorang lelaki daripada keturunan zuriat sultan-sultan Terengganu yang sebelumnya. Pilihan tersebut juga adalah berasaskan keturunan. Ia hendaklah dicari dan dipilih satu persatu dari kalangan zuriat sultan-sultan terdahulu yang pernah memerintah kerajaan Terengganu dari bawah ke atas hingga sampai kepada Sultan Zainal Abidin I (1725-1733M.) iaitu raja yang pertama bagi negeri Terengganu.³⁸ Perlantikan raja berasaskan keturunan sebagaimana yang terdapat dalam fasal kedua *UBDKT* tidak menepati kehendak hukum Islam yang sebenar. Kaedah tersebut kemungkinan diambil dari *Undang-undang Adat* yang telah diamalkan oleh raja-raja yang terdahulu.

Peruntukan *UBDKT* juga memperuntukkan jika sekiranya tidak ada langsung seluruh keturunan sultan-sultan yang layak untuk dilantik sebagai raja sepetimana yang telah dijelaskan maka pemilihan raja bolehlah dilakukan dengan kaedah yang dicadangkan oleh Islam iaitu dilakukan oleh *Ahl al-Hal Wa al-'Aqd*.³⁹ Yang dikatakan persetujuan *Ahl al-Hal Wa al-'Aqd* mengikut *UBDKT* ialah persetujuan di antara anggota Mesyuarat Kerajaan yang terdiri dari ketua-ketua, menteri-menteri dan Jemaah Menteri.⁴⁰ Sebagai panduan untuk mereka memilih dan melantik raja baru, undang-undang ini telah menetapkan beberapa syarat penting

terhadap bakal raja yang ingin dipilih iaitu, dia mestilah seorang lelaki, cukup umurnya, sempurna akalnya, berugama Islam, bangsa Melayu Terengganu, rakyat negeri Terengganu, dan dari keturunan yang merdeka (bukan keturunan hamba), seorang yang baik dan mulia akhlaknya serta mempunyai ilmu pengetahuan, iaitu mesti pandai membaca dan menulis. Jika pelantikan dibuat tanpa mengikut syarat-syarat di atas pelantikan tersebut dikira batal dan tidak sah.⁴¹ Peruntukan ini selaras dengan kehendak-kehendak syari'ah yang juga menetapkan hukum sedemikian.

Jawatan raja juga dikira tidak sah sekiranya ia dirampas oleh kerabat-kerabat raja secara khianat. Fasal yang kelima puluh dua memperuntukkan tentang kesalahan orang yang melakukan perbuatan khianat atau cuba untuk melakukan perbuatan khianat. Fasal tersebut memperuntukkan sekiranya warith ganti, warith yang pertama, warith yang kedua dan warith yang jauh melakukan sebarang perbuatan khianat atau cuba untuk melakukan perbuatan khianat dengan tujuan untuk mendapatkan jawatan raja bagi dirinya atau bagi orang lain, maka perbuatan tersebut boleh dianggap sebagai suatu kejahatan yang besar dan suatu kesalahan yang sangat berat iaitu derhaka kepada raja. Tahap hukuman yang boleh dikenakan kepada seseorang yang melakukan kesalahan di atas ialah hukuman bunuh. Jika tidak dikenakan hukum bunuh orang yang bersalah itu mestilah dibuang negeri. Dia dan seluruh keturunannya tidak lagi mempunyai hak lagi untuk mewarisi takhta kerajaan Terengganu, segala pangkat dan belanja hidupnya hendaklah ditarik balik dan dikembalikan semula kepada kerajaan.⁴²

Raja mempunyai kuasa untuk melantik menteri-menteri dan pegawai-pegawai kerajaan. Baginda juga boleh menentukan had-had kuasa, bidang-

bidang pekerjaan dan gaji-gaji untuk mereka yang dilantik itu. Begitu juga baginda boleh mengurniakan pangkat, darjah kebesaran dan berhak untuk memberikan apa-apa perakuan untuk mereka itu.⁴³

Raja juga ada hak dan berkuasa untuk memecat serta menyingkirkan menteri-menteri dan pegawai-pegawai daripada jawatannya. Begitu juga jika sekiranya ada mana-mana menteri dan pegawai-pegawai kerajaan melakukan kesalahan melanggar undang-undang kerajaan atau melakukan perbuatan yang berdosa mengikut hukum syari'ah, maka balasan dan hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang bersalah itu terserahlah kepada timbang rasa dan budibicara raja ke atas mereka.⁴⁴

UBDKT memberi kuasa yang luas kepada raja untuk menjatuhkan hukuman terhadap pegawai-pegawai kerajaan dan rakyat jelata mengikut apa yang dikehendaki oleh raja tersebut. Fasal ke sepuluh undang-undang tersebut memperuntukkan:

*Maka ada kuasa bagi raja jikalau suka ia boleh memberi hukum sendiri di atas segala pegawai-pegawai yang memegang jawatan negeri atau di atas rakyat negeri. Maka lain-lain orang yang tidak boleh sekali-kali memberi hukum atau perintah di atas mereka itu melainkan kepala-kepala yang telah ditentukan bagi pekerjaan itu sahaja.*⁴⁵

Walaupun raja memegang seluruh kekuasaan pada semua peringkat dalam negeri dan dalam kerajaan, fasal lapan undang-undang ini tetap memperuntukkan dengan mencadangkan agar raja bermesyuarat dengan menteri-

menterinya dalam semua tindakan baginda. Peruntukan undang-undang tersebut ada memperuntukkan:

"Tetapi lazim dan mustahaklah raja itu bermesyuarat dengan segala menteri-menteri atas apa-apa pekerjaan kerajaan dan peraturan undang-undangnya".⁴⁶

Petikan di atas menggambarkan bahawa dalam keadaan *UBDKT* ini mengutamakan kedudukan raja sebagai tunggak pemerintahan, kuasanya tidaklah dianggap mutlak. Kuasa raja itu hendaklah diperkongsikan dengan rakyat menerusi pengamalan konsep *syūrā* dalam sistem pemerintahan yang diamalkan pada masa itu.⁴⁷

Dalam keadaan tertentu raja secara pribadi mempunyai kuasa untuk membuat keputusan terhadap sesuatu perkara. Ini boleh berlaku sekiranya keputusan tersebut diperlukan demi untuk mendatangkan sesuatu kebaikan atau untuk mencegah sesuatu keburukan. Raja seharusnya terlebih dahulu berusaha untuk bermesyuarat dengan ahli-ahli mesyuarat yang lain sebelum membuat keputusan. Tetapi sekiranya ahli-ahli mesyuarat yang lain tidak hadir untuk mesyuarat tersebut, maka pada ketika itu raja boleh membuat sesuatu keputusan mengikut pandangannya sendiri, atas alasan keputusan yang dibuat itu boleh mendatangkan kebajikan, kebaikan dan kesenangan kepada orang ramai. Tindakan tersebut juga harus bagi mengelakkan keburukan, kekacauan dan kesusahan. Tetapi bila ahli mesyuarat hadir keputusan yang dibuat oleh raja itu hendaklah dipertimbangkan semula. Jika sekiranya keputusan raja itu dipersetujui oleh ahli-ahli mesyuarat maka bolehlah ianya diteruskan. Sebaliknya jika ahli-ahli mesyuarat tidak bersetuju maka keputusan tersebut hendaklah dimansuhkan.⁴⁸

Undang-undang ini telah menyediakan peruntukan khas untuk elaun dan belanja raja. Namun demikian ianya tidak menentukan had dan jumlah tertentu yang tetap untuk elaun dan belanja tersebut. Had dan jumlahnya boleh ditentukan oleh Mesyuarat Kerajaan dari masa ke semasa berasaskan kesesuaian yang ada. Undang-undang ini cuma menyebut jumlah wang perbelanjaan yang ditentukan untuk belanja raja itu hendaklah munasabah dan berpatutan dengan pangkat, mertabat dan kebesaran raja yang menjadi ketua kerajaan.⁴⁹ Segala pendapatan yang diperolehi oleh raja dengan daya usahanya sendiri tidak boleh dijadikan perkiraan dalam pemberian elaun belanja hidup kepadanya.⁵⁰

Kerabat-kerabat raja yang lain juga diberi hak untuk mendapatkan belanja hidup. Kerabat-kerabat raja yang ditentukan ada hak boleh dapat belanja hidup ialah, Isteri-isteri raja yang bergelar Permaisuri atau Tengku Ampuan, putera-putera dan puteri-puteri raja, saudara-saudara raja yang laki-laki dan perempuan, ayahanda-ayahanda dan bonda-bonda saudara raja dan anak-anak saudara raja yang sudah mangkat ayahanda bondanya.⁵¹ Selain dari mereka yang disebut di sini tidak ada hak untuk menuntut belanja hidup dari pihak kerajaan. Penentuan nilai dan jumlah elaun belanja hidup bagi mereka ini terserahlah kepada keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Kerajaan dan persetujuan raja yang sedang memerintah.⁵²

Jika sekiranya kerabat-kerabat raja tadi ada memegang jawatan dan tanggungjawab lain di dalam kerajaan maka mereka boleh mendapat elaun belanja hidupnya di samping mendapat gaji dengan jawatannya yang dipegang itu. Jumlah gaji yang patut beliau terima samalah dengan jumlah gaji pegawai-pegawai yang lain.⁵³

Sekiranya seseorang itu dilantik menjadi raja sedangkan umurnya belum mencapai usia 21 tahun maka dia dianggap sebagai raja yang belum cukup umur. Seorang pemangku hendaklah dilantik untuk membantu Raja yang belum cukup umur itu memerintah negeri. Pemangku tersebut boleh dilantik oleh menteri-menteri kerajaan dan ianya boleh dilantik samada daripada kalangan keluarga raja atau bukan dari kalangan keluarga raja. Segala perbuatan dan tingkah laku raja yang belum cukup umur itu dalam urusan memerintah negeri adalah dipertanggungjawabkan ke atas pemangkunya yang telah dilantik. Jika sekiranya perbuatan dan tindakan yang dibuat oleh raja yang belum cukup umur itu tidak selaras dengan adat atau undang-undang negeri maka adalah hak dan kuasa bagi menteri-menteri itu menukar pemangkunya itu dan mengantikannya dengan pemangku yang lain.⁵⁴

Sekiranya raja hendak berangkat meninggalkan negeri dan jajahan Terengganu, maka hendaklah terlebih dahulu dilantik seorang pemangku raja dengan aturan dan kaedah yang difikirkan sesuai pada masa itu. Pemangku itulah yang akan menggantikan raja dalam segala urusan yang berkaitan dengan diri raja. Dan jika raja berangkat meninggalkan jajahan Terengganu itu lebih daripada tempoh lima tahun tanpa sesuatu keuzuran yang dibenarkan, maka Mesyuarat Kerajaan berkuasa untuk membincangkan dan menimbangkan perkara tersebut di dalam mesyuaratnya. Mesyuarat Kerajaan berkuasa membuat ketetapan samada raja tersebut patut ditunggu kerana dia akan pulang atau tidak perlu ditunggu lagi. Sekiranya ingin dinanti mesyuarat hendaklah memutuskan berapa lama pula patut dinantikan. Atau sekiranya diputuskan bahawa raja tidak akan balik lagi maka pada ketika itu Mesyuarat Kerajaan bolehlah melantik raja baru sebagai pengantinnya.⁵⁵

Bila dilantik raja yang baru raja yang lama itu bolehlah dianggap telah menarik diri dari kerajaan. Dari segi undang-undang raja yang lama itu termasuklah dalam golongan bekas raja. Oleh itu sekiranya raja lama yang lama itu dianggap menarik diri dari kerajaan itu balik semula setelah dilantik raja yang baru, pelantikan raja yang baru tetap dikira sah dan raja lama itu tetap dianggap sebagai bekas raja. Baliknya raja yang lama tidaklah mewajibkan raja baru yang menggantinya itu turun dari takhta kerajaan dan tidak perlu menyerahkan kembali hak-hak kerajaan kepadanya walaupun selepas sehari sahaja raja baru itu dilantik.⁵⁶

UBDKT menolak anggapan yang berpendapat bahawa "Raja tidak melakukan sebarang kesalahan".⁵⁷ Secara praktiknya undang-undang tersebut menganggap raja adalah seorang yang berkhidmat berlandaskan undang-undang. Apa-apa perbuatan raja yang bercanggah dengan undang-undang tidak dapat diterima sama sekali.⁵⁸ Buktinya dalam fasal ke empat belas undang-undang tersebut menjelaskan bahawa, raja ditegah sama sekali membuat sebarang perjanjian atau ikhtiar untuk menyerahkan negeri, kerajaan atau suatu bahagian daripada kuasa kerajaan kepada mana-mana kerajaan asing terutamanya menyerahkan kuasa kepada bangsa Eropah (Inggeris) atau lain-lain. Jika raja melanggar larangan dan tegahan ini baginda boleh disifatkan sebagai telah memecahkan amanah yang diserahkan kepadanya. Perbuatan tersebut dikira tidak sah dan pada masa itu tidak diwajibkan lagi kepada pegawai-pegawai kerajaan dan seluruh rakyat memberikan taat setia kepada raja tersebut. Raja tersebut boleh diturunkan dari takhta kerajaan dan digantikan dengan raja lain yang sesuai.⁵⁹ Kenyataan ini jelas menunjukkan perbuatan raja menyerahkan negeri, kerajaan dan kuasa kepada orang asing adalah suatu kesalahan berat dan raja tersebut boleh dikenakan hukuman.

Walaupun bagaimanapun undang-undang membenarkan raja berbaik-baik dengan kerajaan asing atas alasan demi kepentingan dan kebaikan bersama. Yang dilarang ialah perbuatan menyerahkan negeri dan kuasa kepada mereka. Fasal ke empat puluh tujuh membenarkan raja dan kerajaan berbaik-baik dengan kerajaan lain tetapi tidak menyerahkan kekuasaan kepada mereka. Dengan itu raja dan kerajaan Terengganu dibenarkan mengadakan mengadakan hubungan baik dengan kerajaan-kerajaan lain terutamanya kerajaan Inggeris (British). Hubungan baik itu hendaklah diteruskan selagimana ianya mendatangkan kebaikan kepada kerajaan Terengganu dan selok-eloknya ia dikekalkan secara berterusan.⁶⁰ Sekiranya kerajaan Johor telah membuat perjanjian dengan kerajaan lain, raja hendaklah berpegang teguh dengan perjanjian yang telah dibuat itu selagi mana perjanjian tersebut tidak menimbulkan sebarang kezaliman dan penganiayaan. Ketetapan perjanjian itu akan berkekalan secara berterusan selama mana ianya tidak dibatalkan.⁶¹ Sebagai contoh ialah, fasal keempat puluh lapan undang-undang ini mengarahkan supaya raja dan kerajaan Terengganu berpegang teguh dengan syarat-syarat perjanjian (*treaty*) kerajaan yang diperbuat pada 12 haribulan Rabi'ul al-Akhir tahun 1328H. bersamaan dengan 22 haribulan April tahun 1910H.⁶²

Jika seseorang raja yang sedang memerintah ingin menarik diri atau meletakkan jawatan kerana sebarang jenis keuzuran baginda bebas untuk berbuat demikian. Baginda bebas samada bersetuju untuk menjelaskan keuzurannya itu atau tidak. Selepas beliau berhenti menjadi raja bolehlah serta diluluskan baginya duduk di mana-mana tempat yang dikehendakinya samada di dalam jajahan Terengganu atau di mana-mana negeri yang tidak bermusuhan dengan kerajaan Terengganu.⁶³

Pada masa raja hendak berhenti itu hendaklah dengan titah dan persaksikan yang demikian itu sekurang-kurangnya tiga orang menteri-menteri kerajaan hadir menyaksikan dengan bertandatangan sekelian itu pada surat yang dimetrikan cap besar kerajaan serta dengan sain tandatangan raja itu sendiri. Keputusan itu kemudiannya hendaklah dengan seberapa segera diberitahu oleh Jemaah Menteri kepada rakyat dan kerajaan negeri serta dinyatakan pula siapakah yang menggantikan raja itu mengikut peraturan dan undang-undang ini.⁶⁴

Sekiranya seseorang raja yang ingin meletak jawatan atau menarik diri daripada kerajaannya itu tidak berada di dalam negeri Terengganu semasa dia ingin berbuat demikian beliau tidaklah terikat dengan peraturan-peraturan yang disebutkan di atas. Memadailah baginya dengan mengikuti mana-mana peraturan yang ditetapkan bagi mengesahkan bahawa beliau telah meletak jawatan dan tidak lagi menjadi raja.⁶⁵

Mengikut peraturan biasa bekas raja yang sudah meletak jawatan dan tidak lagi menjadi raja tidak berhak dan tidak dibenarkan masuk campur dalam sebarang urusan negeri dan kerajaan tanpa mengira samada beliau tinggal dalam jajahan Terengganu atau di negeri lain. Sebaliknya jika penglibatan bekas raja itu dikehendaki, disokong dan dipersetujui oleh raja yang baru dilantik dan Majlis Mesyuarat Kerajaan, beliau dibenarkan melibatkan diri dan masuk campur dalam urusan negeri dan urusan kerajaan.⁶⁶

Seseorang bekas raja berhak mendapat belanja hidup daripada hasil negeri. Hak tersebut mestilah diberikan kepadanya samada beliau tinggal dalam negeri Terengganu atau tinggal di luar jajahan Terengganu. Jumlah belanja hidup yang patut diberikan kepadanya tidaklah melebihi satu perempat daripada jumlah perbelanjaan yang telah ditentukan semasa beliau menjadi raja. Bekas raja juga berhak mendapat sebuah rumah kediaman yang layak baginya jika beliau tinggal dalam jajahan Terengganu. Belanja hidup yang diberikan itu hendaklah berterusan sehingga beliau mangkat. Apabila beliau mengkat, rumah dan tempat kediamannya itu menjadi harta pusaka kepada warith-warithnya mengikut kaedah hukum *syara'*.⁶⁷

Seseorang bekas raja dilarang sama sekali menghasut orang lain menderhaka kepada raja yang memerintah, atau bekerjasama dengan mana-mana orang asing, atau bekerjasama dengan kerajaan asing yang boleh menimbulkan kemudaran kepada negeri. Jika beliau melakukan perbuatan sedemikian pihak kerajaan berhak untuk menahan belanja hidupnya, dan beliau boleh disifatkan sebagai seorang yang berdosa (menderhaka) kepada pihak kerajaan. Begitu juga jika sekiranya beliau masuk campur dalam sebarang urusan negeri tanpa sebarang keizinan dan kebenaran pihak kerajaan, kerajaan boleh menahan dan memberhentikan elaun belanja hidupnya. Had dan tempoh penahanan belanja hidup itu terserahlah kepada budi bicara raja yang memerintah dan anggota Mesyuarat Kerajaan.⁶⁸

4.4 Menteri-menteri Dan Peranannya

Menteri-menteri merupakan pegawai-pegawai besar kerajaan yang dilantik oleh raja dengan titah perentahnya. Perintah lantikan tersebut mestilah menyebut dan menerangkan dengan jelas tentang kedudukan, pangkat, mertabat dan segala peranan mereka supaya ianya dapat disahkan. Tugas utama menteri-menteri ialah menjadi penolong dan timbalan yang khas kepada raja dalam semua urusan. Apabila seseorang menteri itu dilantik dan ditentukan fungsinya, maka terserahlah kepadanya segala tugas dan tanggungjawab yang dinyatakan itu kepada dirinya. Orang-orang yang dilantik sebagai menteri itu tidaklah disyaratkan mempunyai gelaran tertentu, tidak kira samada dia seorang Menteri Besar, Naib Menteri Besar atau menteri-menteri yang lain. Gelaran-gelaran tertentu seperti Dato' bolehlah dianggap sebagai suatu kepujian dan keelokkan sahaja. Jawatan menteri itu sudah memadai bagi menggambarkan penglibatan seseorang yang dilantik itu dalam segala istiadat dan pentadbiran kerajaan. Kedudukannya itu sudah cukup untuk menggambarkan statusnya berbanding dengan orang-orang lain.⁶⁹

Mengikut undang-undang ini, jumlah bilangan menteri-menteri mestilah tidak kurang dari lapan orang dan tidak lebih dari dua belas orang. Ketua bagi semua menteri-menteri tersebut ialah Menteri Besar yang memainkan peranan sebagai ketua Mesyuarat Kerajaan. Setiap menteri yang dilantik itu mestilah rakyat Terengganu yang berugama Islam.⁷⁰

Bagi membuktikan kesetiaan kepada raja dan kerajaan setiap orang menteri dikehendaki mengangkatkan sumpah. Sumpah tersebut hendaklah disahkan oleh mereka dengan diperturunkan tandatangan mereka dalam sebuah buku daftar khas yang disediakan. Tandatangan tersebut hendaklah diperturunkan di hadapan dua orang saksi dari kalangan pegawai-pegawai kerajaan. Matlamat sumpah tersebut ialah untuk dibuat pengakuan bahawa menteri yang dilantik itu beragama Islam, rakyat negeri Terengganu serta mengaku untuk taat dan setia kepada raja dan kerajaan.⁷¹

Para menteri dilarang keras melakukan sebarang ikhtiar atau membuat sebarang perjanjian dengan mana-mana bangsa atau mana-mana kerajaan untuk menyerahkan negeri dan kerajaan Terengganu kepada mereka. Menteri-menteri juga ditegah sama sekali melakukan sesuatu yang boleh mengurangkan kuasa dan hak-hak kerajaan Terengganu. Jika perjanjian tersebut dibuat juga ianya dikira tidak lulus dan tiada sah sama sekali. Sekiranya menteri-menteri melanggar larangan dan tegahan tersebut mereka bolehlah dianggap sebagai orang yang derhaka kepada raja dan kerajaan. Mereka boleh dihukumkan dengan hukuman yang berpadanan dan sesuai dengan kesalahannya. Mana-mana menteri yang melakukan perbuatan yang tidak baik, perbuatan tersebut dipertanggungjawabkan ke atas diri mereka sendiri dan tidak sekali-kali boleh dikaitkan dengan raja.⁷²

Begitu juga sesuatu perbuatan tersebut boleh dianggap sebagai suatu kejahatan yang besar dan suatu kesalahan yang sangat berat juga sekiranya menteri-menteri, ketua-ketua, ahli-ahli serta suku-suku dari kalangan mereka dan lain-lain

melakukan sebarang perbuatan khianat atau cuba untuk melakukan perbuatan khianat ke atas seseorang yang lebih tinggi pangkat darinya dengan tujuan untuk mendapatkan jawatan yang ada pada orang tersebut. Tidak kira samada dia melakukan perbuatan itu bagi faedah dirinya atau bagi faedah orang lain.⁷³

Bila berlaku kekurangan ahli dalam Jemaah Menteri, kekurangan tersebut boleh dicukupkan semula dengan pilihan raja yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri atau dengan pilihan Jemaah Menteri yang diperkenankan oleh raja. Pelantikan menteri baru itu hendaklah dibuat dengan titah raja serta disahkan dengan dikeluarkan surat yang dicopkan dengan cop besar kerajaan dan disebutkan sekali nama jawatannya.⁷⁴ Sekiranya raja dan Jemaah Menteri berbeza pandangan untuk melantik seseorang pengganti dalam Jemaah Menteri, maka keputusan untuk menentukan siapa yang terlebih baik di antara mereka hendaklah diserahkan kepada raja dan Menteri Besar atau Naib Menteri Besar untuk membuat pertimbangan.⁷⁵

Kuasa memilih dan melantik Menteri Besar menjadi hak mutlak bagi raja manakala kuasa memilih Naib Menteri Besar pula diserahkan kepada Jemaah Menteri, tetapi sebelum dilantik calon Naib Menteri Besar yang dipilih oleh Jemaah Menteri itu hendaklah terlebih dahulu diperkenankan oleh raja.⁷⁶ Orang yang ingin dilantik sebagai Menteri Besar dan Naibnya itu mestilah seseorang yang sudah memegang jawatan tertentu sebagai pegawai besar kerajaan dan sudah menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan.⁷⁷

Menteri Besar, Naib Menteri Besar, dan menteri-menteri lain diberi peluang dan dibenarkan membuat permohonan untuk meletakkan jawatan. Apabila

raja memperkenankan permohonan tersebut maka terlepaslah mereka dari jawatannya masing-masing. Namun demikian mereka masih lagi dianggap sebagai anggota mesyuarat kerajaan. Jika mereka juga ingir menarik diri dari menjadi anggota mesyuarat kerajaan mereka hendaklah terlebih dahulu mendapat keizinan dari raja., dan apabila raja meluluskan permohonan tersebut maka gugurlah tanggung jawab mereka sebagai anggota Mesyuarat Kerajaan. Kerajaan juga berhak untuk memilih dan melantik bekas-bekas pegawai kerajaan untuk menjadi anggota Jemaah Menteri dan anggota Mesyuarat Kerajaan.⁷⁸

Seseorang yang dicadangkan atau yang dititahkan oleh raja untuk masuk dalam Jemaah Menteri atau Mesyuarat Kerajaan tidaklah diwajibkan secara mutlak untuk mengikuti arahan berikut. Beliau harus memohon untuk tidak melibatkan diri sebagai anggota Jemaah Menteri dan anggota Mesyuarat Kerajaan dan tidak perlu baginya menyatakan sebab-sebab beliau menguzurkan diri dan menarik diri dari jawatan tersebut.⁷⁹ Bila seseorang menteri atau pegawai berhenti atau keluar dari perkhidmatannya maka gugurlah gelaran khas yang diberi kepadanya semasa memegang jawatan tersebut sahaja.⁸⁰

Setiap menteri sangat-sangat digalakkan meminta pendapat dan pandangan rakan-rakannya, terutamanya untuk menyelesaikan perkara-perkara penting yang ada di bawah tanggungjawabnya. Namun demikian buruk baik pekerjaan yang dilakukan berasaskan jawatannya itu adalah menjadi tanggungjawabnya secara pribadi.⁸¹

Untuk menyelesaikan urusan negeri dan kerajaan, Jemaah Menteri hendaklah mengadakan perhimpunan sekurang-kurangnya sebulan sekali. Ia juga boleh diadakan pada bila-bila masa bila diperintah oleh raja atau dengan permintaan Menteri Besar atau Naibnya atau bila dikehendaki oleh tiga orang daripada anggota Jemaah Menteri. Perhimpunan Jemaah Menteri tidak perlu diadakan pada bulan Ramadan, pada hari-hari kebesaran atau pada hari kelepasan am, melainkan kerana darurat.⁸²

Kadar cukup bilangan bagi sesuatu mesyuarat Jemaah Menteri itu ialah sekurang-kurangnya lima orang. Tetapi jika raja hadir bersama dalam majlis mesyuarat itu memadailah dengan sekurang-kurangnya tiga orang ahli sahaja. Kecuali apabila diberitahu kepada semua ahli-ahli yang ada di dalam negeri bahawa mereka diwajib hadir maka pada ketika itu wajiblah kepada mereka sekeliannya untuk hadir.⁸³

4.5 Ketua-ketua Dan Penglibatannya

Yang dimaksudkan dengan ketua-ketua ialah Anggota Mesyuarat Negeri Terengganu yang bukan dari golongan menteri atau Jemaah Menteri. Mereka adalah terdiri dari ketua-ketua dan pegawai-pegawai yang dilantik dan memiliki pangkat tertentu. Di kalangan anggota mesyuarat yang dilantik itu termasuklah juga para ‘ulamā’, orang-orang kaya dan penghulu-penghulu besar.⁸⁴ Selain itu ketua-ketua yang dilantik sebagai anggota Mesyuarat Kerajaan itu hendaklah dari kalangan rakyat Terengganu. Namun demikian tidaklah disyaratkan semua yang dilantik itu berbangsa Melayu dan beragama Islam. Ketua-ketua dari kalangan yang bukan Melayu dan bukan beragama Islam boleh juga dilantik.⁸⁵

Mereka juga merupakan sebahagian dari kalangan anggota badan perundangan negeri Terengganu yang diakui oleh *UBDKT*. Ketua-ketua tersebut boleh dilantik oleh raja setelah menerima cadangan dari Jemaah Menteri.⁸⁶ Kuasa yang ada pada raja boleh mengesahkan pelantikan ketua-ketua dan pegawai-pegawai serta menentukan bidangkuasa yang diberikan kepada mereka. Ketua-ketua itu hendaklah diambil dari kalangan orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan, mempunyai kemahiran dan kebijaksanaan, mampu mentadbir serta menggubal undang-undang yang akan dilaksanakan di peringkat negeri.⁸⁷

Ketua-ketua dan pegawai-pegawai yang telah dilantik oleh raja boleh memohon keuzuran (*rukhsah*) untuk menolak jawatan tersebut. Penolakkan tawaran untuk memegang jawatan tersebut boleh dibuat dengan bebas, tidak perlu baginya mengemukakan sebarang alasan dan sebab-sebab beliau menolak pelantikan itu.⁸⁸ Mereka yang menerima tawaran untuk dilantik sebagai ahli Mesyuarat Kerajaan hendaklah terlebih dahulu mengangkat sumpah setia kepada raja sebelum memulakan tugasnya. Dalam sumpah setia tersebut beliau hendaklah membuat pengakuan bahawa beliau akan mengemukakan segala cadangan-cadangan dan syor-syor yang baik dengan cara yang baik dan hati yang ikhlas. Syor-syor dan cadangan-cadangan tersebut hendaklah dibuat untuk faedah negeri dan rakyat.⁸⁹ Ketua-ketua dan pegawai-pegawai yang dilantik hendaklah melaksanakan segala undang-undang dan adat-adat negeri dengan adil dan benar.⁹⁰

Selain dari itu, dengan kuasa yang ada padanya raja boleh menentukan bentuk-bentuk kerja serta had-had kuasa bagi ketua-ketua dan pegawai-pegawai tersebut. Begitu juga tentang gaji, pangkat, anugerah darjah kebesaran dan apa-apa perakuan untuk pegawai-pegawai tersebut terserahlah kepada raja.⁹¹ Raja boleh memberikan sebarang arahan dan perintah kepada ketua-ketua dan pegawai-pegawai yang memegang jawatan dalam negeri pada bila-bila masa sekali pun.⁹²

Ketua-ketua dan pegawai-pegawai yang dilantik juga dilarang melakukan perbuatan khianat atau cuba cuba melakukan perbuatan khianat kepada orang-orang yang lebih tinggi pangkatnya dari mereka kerana ingin merebut jawatan tersebut bagi faedah diri beliau atau untuk faedah orang lain. Sekiranya mereka melakukan perbuatan demikian perbuatannya itu boleh dianggap sebesar-besar kejahanan dan kesalahan.⁹³ Mereka juga dilarang sama sekali membuat perjanjian dengan kerajaan asing bagi maksud hendak menyerahkan negeri dan kerajaan Terengganu kepada mereka atau bertujuan untuk mengurangkan hak dan kuasa kerajaan Terengganu. Jika sekiranya perjanjian tersebut dibuat juga maka ianya dianggap tidak sah sama sekali. Mereka yang berbuat demikian boleh dihukumkan sebagai orang yang derhaka kepada raja dan kerajaan dan boleh dikenakan hukuman yang berpadanan dengan kesalahan itu. Sekiranya mereka melakukan sesuatu perbuatan yang tidak baik perbuatan tersebut dipertanggungjawabkan ke atas diri mereka sendiri dan tidak boleh sekali-kali dikaitkan dengan raja.⁹⁴

4.6 Mesyuarat Kerajaan Terengganu Dan Fungsinya Sebagai Sebuah Badan Perundangan

Mengikut *UBDKT* Mesyuarat Kerajaan merupakan sebuah institusi badan perundangan yang sangat penting. Di antara fungsi utama Mesyuarat Kerajaan adalah sebagai timbalan am kepada raja. Di antara peranannya ialah membantu raja dan Jemaah Menteri dalam pentadbiran negeri dan rakyat, khususnya menggubal undang-undang yang baru serta meminda undang-undang yang sedia ada. Ia termasuklah meminda dan membuat pelbagai penambahan terhadap undang-undang dan peraturan negeri. Undang-undang tersebut secara umumnya boleh dipinda dari masa ke semasa kecuali undang-undang yang berkaitan dengan ketetapan agama dan hukum *syara'*.⁹⁵ Raja dengan persetujuan Mesyuarat Kerajaan juga mempunyai kuasa untuk memperbaiki, memperbetulkan, meminda dan menambah beberapa peraturan yang berkaitan dengan membuat simbol-simbol kerajaan dan negeri. Mereka juga mempunyai kuasa untuk menentukan segala pekerjaan, kedudukan dan pangkat para pegawai-pegawai supaya ianya teratur dan mudah dikenali status kedudukannya di antara satu sama lain.⁹⁶

Peranan Mesyuarat Kerajaan yang lain ialah memikirkan hal-hal yang berkaitan dengan pembukaan negeri dan memajukannya, berusaha meningkatkan hasil-hasil negeri, memperbanyakkan peluang-peluang perniagaan dan memperbaiki kedudukan rakyat, serta membuat berbagai-bagai cadangan bagi mengekalkan keamanan di dalam negeri dan jajahan takluk Terengganu serta memelihara persahabatan dan perdamaian dengan kerajaan-kerajaan lain-lain.⁹⁷

Bagi menyelesaikan pelbagai urusan negeri dan kerajaan, Mesyuarat Kerajaan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua bulan sekali. Ia juga boleh diadakan pada bila-bila masa dengan titah perintah raja atau dengan permintaan Jemaah Menteri atau dengan permintaan yang tidak kurang dari separuh bilangan anggota Mesyuarat Kerajaan yang ada pada masa itu. Isu-isu dan perkara-perkara yang akan dimesyuaratkan itu hendaklah diberitahu dan dijelaskan terlebih dahulu kepada Jemaah Ahli Mesyuarat Kerajaan tiga hari sebelum mesyuarat dijalankan. Mesyuarat dan perhimpunan tidak perlu diadakan pada bulan Ramadhan, pada hari-hari kebesaran dan hari kelepasan am kecuali kerana darurat.⁹⁸

Pengiraan cukup bilangan bagi sesuatu Majlis Mesyuarat Kerajaan ialah seramai tujuh orang jika jumlah semua anggotanya itu tidak kurang dari enam belas orang dan lima belas orang jika semua anggotanya tidak kurang daripada tiga puluh dua orang dan tiga puluh satu orang jika semua anggotanya tiada kurang dari enam puluh empat orang atau lebih.⁹⁹ Dalam Mesyuarat Kerajaan semua ahli-ahlinya mempunyai kedudukan dan taraf yang sama di antara satu sama lain. Oleh itu setiap orang dari kalangan anggotanya bebas mengemukakan pendapatnya masing-masing. Mereka bebas menyuarakan pandangan masing-masing samada pandangannya itu bersamaan atau bertentangan dengan pandangan rakannya yang lain. Di akhir perbincangan keputusan yang mempunyai pandangan terbanyak sahaja yang diterima dan dimaklumkan kepada raja.¹⁰⁰

Segala keputusan yang telah dipersetujui di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah dicatatkan dengan baik dalam buku daftar khas yang disediakan. Setelah diperkenankan oleh raja dan ditentukan bilakah ianya mula

dilaksanakan maka sesuatu undang-undang atau sesuatu keputusan yang berkaitan dengan negeri hendaklah dimaklumkan (diwartakan) kepada masyarakat umum.¹⁰¹ Sebaliknya jika sekiranya sesuatu yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat Kerajaan tidak dipersetujui dan tidak mendapat kebenaran raja, maka ianya bolehlah dibawa semula kedalam Mesyuarat Kerajaan pada kali yang lain sehingga sampai tiga kali. Selepas tiga kali dikemukakan, jika keputusan tersebut tidak juga mendapat kebenaran raja, perkara tersebut tidak boleh lagi dibawa kedalam Mesyuarat Kerajaan selama setahun. Selepas tempuh setahun barulah keputusan tersebut boleh dibawa semula kepada raja. Apabila cadangan yang dipersetujui itu dibawa untuk kali keempat raja hendaklah memberi kebenaran dan meluluskan keputusan tersebut kerana pada kali ini raja tidak berhak lagi untuk menghalangnya.¹⁰²

Dari seluruh kajian di atas dapat disimpulkan bahawa *UBDKT* mempunyai banyak persamaan dengan *UTKJ*. Mengikut *UBDKT* keanggotaan dalam badan perundangan adalah terdiri dari Sultan Terengganu, menteri-menteri, Jema'ah Menteri, ketua-ketua, para ‘ulamā’ dan lain-lain. Majlis Mesyuarat Kerajaan Terengganu juga berfungsi sebagai badan perundangan di negeri Terengganu. Sebahagian dari konsep keanggotaan dalam badan perundangan yang diperuntukkan dalam *UBDKT* adalah digubal berlandaskan undang-undang Islam. Manakala sebahagian yang lain pula ianya digubal berdasarkan Undang-undang Adat bukannya undang-undang Islam. Namun demikian konsep dan amalan keanggotaan dalam badan perundangan mengikut *UBDKT* yang selaras dengan nilai-nilai Islam seharusnya diikuti dan dijadikan contoh oleh badan perundangan di Malaysia.

NOTA HUJUNG

-
- ¹ Abdul Majeed Mohamed Mackeen, *Contemporary Islamic Legal Organization In Malay*, Monograph Series No.13, Connecticut: Yale University Southeast Asia Studies, 1969, h. 28.
- ² Ahmad Fawzi Mohd. Basri, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895: Suatu Pemerhatian Terhadap Aspek Ketatanegaraan Dan Persuratan*. Kertas kerja *Seminar Warisan Persuratan Johor II 1997*, op. cit., h. 1.
- ³ Kerajaan Negeri Terengganu, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1973, h. 18.
- ⁴ Ahmad Fawzi Mohd. Basri, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895: Suatu Pemerhatian Terhadap Aspek Ketatanegaraan Dan Persuratan*. Kertas kerja *Seminar Warisan Persuratan Johor II 1997*, op. cit., h. 1.
- ⁵ Siddiq Fadhil, *Pemikiran Politik Melayu: Menilai Itqān al-Mulūk (Perlembagaan Negeri Terengganu 1911) Sebagai Karya Siyāsah Syar'iyyah*, Kertas kerja *Seminar Warisan Persuratan Johor II 1997*, op. cit., h. 4.
- ⁶ Kerajaan Negeri Terengganu, *Al-Muqaddimah, Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1973, h. 3.
- ⁷ Siddiq Fadhil, *Pemikiran Politik Melayu: Menilai Itqān al-Mulūk (Perlembagaan Negeri Terengganu 1911) Sebagai Karya Siyāsah Syar'iyyah*, Kertas kerja *Seminar Warisan Persuratan Johor II 1997*, op. cit., h. 8.
- ⁸ Fasal yang kelima puluh Satu, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁹ Ibid.
- ¹⁰ Abdul Majeed Mohamed Mackeen, op. cit., h. 29.
- ¹¹ Ibid, h. 28.
- ¹² Ibid, h. 33.
- ¹³ Ibid, h. 34.

¹⁴ Pembukaan (*al-muqaddimah*) *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ Fasal yang keempat puluh enam, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

¹⁷ Penutup (*al-khatimah*), *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

¹⁸ Pembukaan (*al-muqaddimah*) *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

¹⁹ Fasal yang ke lima puluh tiga, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

²⁰ Fasal pertama (1), *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

²¹ Fasal pertama (6), *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

²² Fasal pertama (7), *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

²³ Fasal pertama (8), *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

²⁴ Ahmad Ibrahim, *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, op. cit., h. 45.

²⁵ Pembukaan (*al-muqaddimah*) *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

²⁶ Maksud waris ganti ialah bakal raja yang dicadangkan untuk menggantikan raja yang sedang memerintah. Bakal raja itu digelar sebagai “Yang Amat Mulia Yang di-Pertuan Muda”. Baginda sendiri telah dilantik menjadi sultan mengganti al-Marhum al-Sultan Zainal Abidin pada tahun 1337 tetapi kemudian telah menarik diri pada tahun 1338.

²⁷ Telah dilantik menjadi sultan pada tahun 1338 dengan gelaran al-Sultan Sulaiman Badru al-'Alam Syah yang pertama.

²⁸ Digelar Tengku Seri utama Raja.

-
- ²⁹ Digelar Tengku Sri Bijaya Raja.
- ³⁰ Digelar orang kaya Indera Guru telah dilantik menjadi mufti dan ahli mesyuarat.
- ³¹ Digelar Orang Kaya Kamal Wangsa.
- ³² Digelar Dato' Seri Amar di-Raja, telah dilantik jadi Menteri Besar pada tahun 1343. Beliau merupakan salah seorang pembesar Terengganu yang fasih berbahasa Arab dan dipercayai memainkan peranan yang penting dalam menyusun bahasa dalam *UBDKT* 1911. Beliau juga seorang ahli agama yang terkenal di Terengganu dan dianggap pandai, berjasa serta dikasihi oleh rakyat Terengganu. Lihat Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. kedua, 1982, h. 169.
- ³³ Digelar Orang Kaya Bija Sura, Telah dilantik menjadi wazir dan menteri pada tahun 1344.
- ³⁴ Nama-nama tersebut tercatat pada helaian terakhir Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911.
- ³⁵ Ahmad Ibrahim, *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, op. cit., h. 45.
- ³⁶ Fasal kedua, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ³⁷ Ibid.
- ³⁸ Fasal yang keempat, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ³⁹ Abdul Majeed Mohamed Mackeen, op. cit., h. 28.
- ⁴⁰ Fasal pertama, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁴¹ Fasal yang kelima, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁴² Fasal yang kelima puluh dua, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁴³ Fasal yang keenam, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁴⁴ Fasal yang ketujuh, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911.*

⁴⁵ Fasal yang kesepuluh, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911.*

⁴⁶ Fasal yang kedelapan, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911.*

⁴⁷ Siddiq Fadhil, op. cit., h. 5.

⁴⁸ Fasal yang kesembilan, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911.*

⁴⁹ Fasal yang kedua puluh, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911.*

⁵⁰ Fasal yang kedua puluh, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911.*

⁵¹ Lima golongan Kerabat-kerabat raja yang disebutkan di atas itu termasuklah kerabat raja yang sedang memerintah atau bekas raja yang telah memerintah sebelum itu atau kerabat bagi raja yang telah mangkat.

⁵² Fasal yang kedua puluh satu, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911.*

⁵³ Fasal yang kedua puluh dua, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911.*

⁵⁴ Fasal yang kesebelas, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911.*

⁵⁵ Fasal yang kedua belas, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911.*

⁵⁶ Fasal yang ketiga belas, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911.*

⁵⁷ Abdul Majeed Mohamed Mackeen, op. cit., h. 28.

⁵⁸ Ibid.

⁵⁹ Fasal yang keempat belas, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911.*

-
- ⁶⁰ Fasal yang keempat puluh tujuh, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁶¹ Fasal yang keempat puluh delapan, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁶² Fasal yang keempat puluh delapan, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁶³ Fasal yang kelima belas, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁶⁴ Fasal yang kelima belas, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁶⁵ Fasal yang keenam belas, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁶⁶ Fasal yang ketujuh belas, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁶⁷ Fasal yang kedelapan belas, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁶⁸ Fasal yang kesembilan belas, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁶⁹ Fasal yang kedua puluh tiga, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁷⁰ Fasal yang kedua puluh empat, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁷¹ Fasal yang kedua puluh lima, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁷² Fasal yang kedua puluh enam, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁷³ Fasal yang kelima puluh dua, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁷⁴ Fasal yang kedua puluh tujuh, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁷⁵ Fasal yang kedua puluh delapan, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁷⁶ Fasal yang kedua puluh sembilan, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁷⁷ Fasal yang ketiga puluh, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁷⁸ Fasal yang ketiga puluh satu, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁷⁹ Fasal yang ketiga puluh dua, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁸⁰ Fasal yang ketiga puluh tiga, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁸¹ Fasal yang ketiga puluh empat, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁸² Fasal yang ketiga puluh lima, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁸³ Fasal yang ketiga puluh enam, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁸⁴ Fasal pertama, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁸⁵ Fasal yang ke tiga puluh sembilan, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁸⁶ Fasal yang ke tiga puluh lapan, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁸⁷ Fasal yang ke tiga puluh lapan, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911*.

⁸⁸ Fasal yang ke tiga puluh dua, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911*.

⁸⁹ Fasal yang ke empat puluh, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911*.

⁹⁰ Fasal yang ke empat puluh enam, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911*.

⁹¹ Fasal yang ke enam, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911*.

⁹² Fasal yang kesepuluh, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911*.

⁹³ Fasal yang ke lima puluh dua, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911*.

⁹⁴ Fasal yang kedua puluh enam, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911*.

⁹⁵ Fasal yang ketiga puluh tujuh, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁹⁶ Fasal yang keempat puluh sembilan, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁹⁷ Fasal yang ketiga puluh tujuh, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁹⁸ Fasal yang keempat puluh dua, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

⁹⁹ Fasal yang keempat puluh Satu, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

¹⁰⁰ Fasal yang keempat puluh tiga, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

¹⁰¹ Fasal yang keempat puluh empat, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.

¹⁰² Fasal yang keempat puluh lima, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.